

02/12/1999

MB menghadap Pemangku Raja bincang tubuh kerajaan

KLANG, Rabu - Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar hari ini menghadap Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah bagi membincangkan penubuhan kerajaan negeri baru selepas pilihan raya umum.

Dalam pertemuan di Istana Mastika, Shah Alam pada kira-kira jam 8.30 pagi itu, Abu Hassan juga dikatakan mengemukakan senarai nama Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang baru.

Upacara mengangkat sumpah Exco negeri Selangor yang baru itu dijangka berlangsung di Balairong Istana Alam Shah, Jumaat ini.

Empat muka baru dijangka dilantik menganggotai barisan Exco menggantikan tiga Exco yang tidak dicalonkan semula dan seorang yang tewas dalam pilihan raya kali ini.

Ia membabitkan pengosongan kerusi oleh Datin Paduka Rakibah Abdul Manap, Datuk Dr Pius Martin yang tidak disenaraikan semula dalam pilihan raya kali ini manakala Datuk Zainal Dahalan pula bertukar ke Parlimen dan Datuk Fuad Hassan tewas kepada calon Keadilan, Mohd Azmin Ali dalam pertandingan di Hulu Klang.

Abu Hassan ketika diminta mengulas barisan Exco baru Selangor, berkata beliau sedang memikirkan calon yang layak termasuk mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, Selangor akan menubuhkan kerajaan baru secepat mungkin bagi membolehkan agenda pembangunan negeri yang sudah dirancang dilaksanakan segera.

"Kita mahu menguruskan banyak perkara dalam bulan Disember ini antaranya membentuk kerajaan, mengadakan majlis angkat sumpah seterusnya mengadakan sidang Dewan Undangan Negeri untuk membincangkan mengenai belanjawan 2000," katanya.

Sehingga pengumuman rasmi dibuat, spekulasi mengenai barisan Exco baru terus menjadi perbincangan hangat di Selangor.

Sebagaimana amalan biasa, pelantikan Exco kerajaan negeri ini akan menggabungkan muka baru yang akan bergandingan dengan Exco yang sedia ada.

Ahli Exco yang menang dalam pilihan raya ini pasti akan dikekalkan iaitu Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad, Datuk Abdul Fatah Iskandar, Datuk Mohd Sharif Jajang, Datuk Tang See Hang, Datuk Ch'ng Toh Eng dan Datuk K Sivalingam,

Calon yang dipilih sudah pasti mempunyai pengalaman serta kelebihan dalam bidang tertentu bagi melayakkan mereka berada dalam senarai Exco yang akan merancang pelbagai program pembangunan di Selangor.

Antara yang disebut menggantikan tempat Zainal ialah, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Paya Jaras, Datuk Sulaiman Samat, Adun Sementa Datuk Abdul Rahman Palil dan Adun Kelana Jaya, Datuk Mohd Mokhtar Dahalan.

Sementara dua calon wanita menjadi pilihan iaitu Adun Jeram, Mesrah Selamat dan Taman Medan, Norkhaila Jamaluddin.

Walaupun Mesrah dianggap 'senior' dan berpengalaman dalam mengendalikan hal ehwal wanita, peluangnya mungkin tipis kerana dua Exco sedia ada dari Parlimen Kuala Selangor iaitu Abu Hassan sendiri (Permatang) dan Sivalingam (Ijuk).

Bagaimanapun, siapa yang dipilih tidak perlu dipertikaikan kerana Abu Hassan pasti mempunyai alasan kukuh serta penilaian tertentu untuk memilih barisan Exco bagi membantu beliau menjana pembangunan di Selangor.

(END)